

07 JUN 2002

Mahathir-Melayu

ORANG MELAYU MEMIKUL HARAPAN JADI MODEL UMAT ISLAM BERJAYA

JOHOR BAHRU, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada bahu bangsa Melayu tergalas harapan yang besar untuk menjadi model umat Islam yang berjaya.

Perdana Menteri berkata model kejayaan itu bukan berdasarkan kekuatan fizikal tetapi penguasaan dalam pelbagai bidang.

"Dalam konteks ini, haruslah diingat bahawa tunjang kekuatan orang Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya adalah perpaduan dan persefahaman yang sedia wujud sekian lama," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata Konvensyen Umno Negeri Johor yang akan berlangsung esok.

Beliau berkata Umno yang memayungi orang Melayu hendaklah melihat jauh ke hadapan bagi mengembalikan maruah Islam dan kegemilangan tamadun Islam.

"Kita yang berada dalam suasana aman dan tenteram ini perlu mempertingkatkan keupayaan menguasai segenap bidang bagi mengangkat martabat bangsa, sekali gus ketinggian agama yang kita anuti," katanya.

Dr Mahathir berkata setakat ini belum lagi dapat dilihat kebangkitan tamadun Islam dalam abad ke-21, tetapi usaha ke arah itu harus dimulakan dan diteruskan.

"Usaha ini mungkin memakan masa yang panjang, tetapi tidak bermakna langkah pertama tidak boleh diambil segera untuk menuju ke arah satu matlamat ini," katanya.

Perdana Menteri berkata perkembangan akhir-akhir ini telah mewujudkan suasana semakin mencabar, lebih-lebih lagi ketika umat Islam seluruh dunia bukan sahaja tertinggal, malah berada dalam keadaan amat tertekan.

Beliau berkata peristiwa demi peristiwa yang menekan umat Islam jelas menunjukkan mereka masih lemah sehingga memberi gambaran yang buruk terhadap agama Islam itu sendiri.

Menurutnya, sejak Umno dilahirkan, Johor telah memberi sumbangan yang besar sebagai benteng perpaduan Melayu yang sukar diganggu gugat dan perana itu dimantapkan sehingga kini.

Umno Johor mampu meneruskan kecemerlangannya di atas kesepakatan dan perpaduan yang kuat di kalangan orang Melayu, kata Perdana Menteri, yang mengingatkan bahawa kesinambungan kuasa itu amat penting kerana masih banyak tugas dan perjuangan yang belum diselesaikan.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusannya berkata, dalam keadaan umat Islam tertekan di seluruh dunia dan bangsa Melayu masih ketinggalan dalam banyak bidang, Umno perlu berperanan mempelopori usaha mengatasi masalah itu.

"Sebab itu kita sebagai ahli Umno hendaklah sentiasa memperbaharui tekad dan keazaman untuk bekerja kuat memastikan kejayaan parti yang akhirnya akan membawa kepada kecemerlangan bangsa dan negara," katanya.

Beliau mahu setiap anggota Umno menumpukan perhatian terhadap kerja yang dapat menyumbang terhadap perpaduan dan pembelaan masyarakat agar Umno akan sentiasa berada di tengah-tengah masyarakat dan sehati dengan mereka.

Abdullah dijadual merasmikan konvensyen dua hari itu di sini esok.

-- BERNAMA

MNY NMO